



**HUBUNGAN ANTARA PENGURUSAN MASA, PENGURUSAN DIRI DAN
HUBUNGAN SOSIAL DENGAN PRESTASI AKADEMIK DALAM
KALANGAN MAHASISWA SARJANA MUDA YANG BEKERJA
SAMBILAN DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

NUR ANNISA BINTI ABDULLAH



**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024





PENGAKUAN

Saya akui bahawa projek tahun akhir ini adalah hasil kerja saya sepenuhnya kecuali sesetengah nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Projek tahun akhir ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Perniagaan) dengan Kepujian.



Tandatangan:

Tarikh: 3 Mac 2024

Nama Pelajar: Nur Annisa binti Abdullah

No. Matrik: D20201093997



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya saya dapat menyempurnakan Projek Tahun Akhir ini dengan jayanya. Terlebih dahulu sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih ingin saya tujukan kepada penyelia yang saya hormati iaitu Dr Jessnor Elmy binti Mat Jizat atas panduan dan penyeliaan yang diberikan. Tanpa beliau sudah pasti saya tidak dapat menyiapkan projek ini dalam tempoh yang ditetapkan. Kesungguhan dan keikhlasan beliau telah memberi inspirasi kepada saya dan merupakan satu penghormatan yang besar untuk saya berada di bawah bimbingannya.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa dan keluarga yang telah memberi banyak sokongan dan dorongan kepada saya dalam menghasilkan projek ini. Projek ini mungkin tidak dapat dihasilkan dengan sempurna tanpa sokongan dan dorongan yang padu daripada mereka. Tambahan itu, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada pelajar UPSI yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana sudi membantu saya dalam menjalankan kajian ini. Begitu juga kepada rakan-rakan yang dikasihi, jutaan terima kasih ingin saya ucapkan atas bantuan, sokongan dan motivasi yang diberikan sehingga saya mampu menamatkan projek ini dengan jayanya.

Saya berharap projek yang dihasilkan ini mampu dijadikan sebagai rujukan untuk menambah pengetahuan semua. Akhir kata, segala kesempurnaan sesungguhnya adalah milik Allah semata-mata dan kelemahan itu datang daripada diri saya sendiri sebagai hamba yang sentiasa menuntut rahmatNya. Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial pelajar sekiranya bekerja sambil. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk menganalisis perbezaan prestasi akademik antara pelajar yang bekerja sambil dan tidak bekerja sambil. Seterusnya, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial dengan prestasi akademik sekiranya pelajar bekerja sambil. Kajian ini telah dijalankan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang melibatkan 377 pelajar di peringkat sarjana muda daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda (ISM) dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP). Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak berstrata. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan telah digunakan dalam kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik. Data kajian telah dikumpul, diproses, dan dianalisis sepenuhnya menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) versi 25.0. Data dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif (min, sisihan piawai) dan analisis statistik inferensi (Ujian Mann-Whitney U dan Ujian Korelasi Spearman's rho) bagi menjawab setiap persoalan dan hipotesis kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengurusan masa ($M=4.23$, $SP=0.877$), pengurusan diri ($M=3.92$, $SP=0.920$) dan hubungan sosial ($M=3.88$, $SP=0.950$) pelajar sekiranya bekerja sambil berada pada tahap yang tinggi. Bagi keputusan ujian Mann-Whitney U, kajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara prestasi akademik sekiranya bekerja sambil antara pelajar yang bekerja sambil dan pelajar yang tidak bekerja sambil di mana $p=0.081$, ($p > 0.05$) manakala ujian Spearman's rho menunjukkan hubungan antara pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial dengan prestasi akademik pelajar adalah kuat berdasarkan nilai interpretasi pekali korelasi. Oleh itu, sekiranya pelajar berhasrat untuk bekerja sambil, mereka seharusnya menitikberatkan ketiga-tiga aspek ini supaya tidak menjejaskan prestasi akademik mereka. Semua pihak seperti pelajar, pihak institusi pengajian dan pihak majikan di tempat kerja juga perlulah berganding bahu untuk melaksanakan usaha yang berterusan dan efektif bagi memastikan pelajar dapat mencapai prestasi akademik yang cemerlang walaupun bekerja sambil.





THE RELATIONSHIP BETWEEN TIME MANAGEMENT, SELF-MANAGEMENT AND SOCIAL RELATIONSHIPS WITH ACADEMIC PERFORMANCE AMONG UNDERGRADUATE STUDENTS WHO WORK PART-TIME AT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRACT

This study was conducted with the aim of identifying the level of time management, self-management, and social relationships among students who work part-time. Additionally, the study also analyzes the differences in academic performance between students who work part-time and those who do not. Furthermore, the research also aimed to determine the relationship between time management, self-management, and social relationships with academic performance when students work part-time. The study was conducted at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), involving 377 undergraduate students from Bachelor's Degree (ISM) and Bachelor's Degree in Education (ISMP) programs. The sampling technique used is stratified random sampling. A quantitative approach with a survey design was employed in this study using questionnaire as the research instrument. The data collected were fully processed and analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 25.0. The data were analyzed using descriptive statistical analysis (mean, standard deviation) and inferential statistical analysis (Mann-Whitney U test and Spearman's rho correlation test) to answer each research question and hypothesis. The findings of the study indicated that the level of time management ($M=4.23$, $SD=0.877$), self-management ($M=3.92$, $SD=0.920$), and social relationships ($M=3.88$, $SD=0.950$) among students if working part-time is high. Regarding the Mann-Whitney U test results, the study found no significant difference in academic performance between students working part-time and those not working part-time, with a p-value of 0.081 ($p > 0.05$). The Spearman's rho test showed a strong relationship between time management, self-management, and social relationships with students' academic performance based on the interpretation of correlation coefficient values. Therefore, if students aspire to work part-time, they should emphasize these three aspects to avoid affecting their academic performance. All stakeholders, including students, educational institutions, and employers, should collaborate to implement continuous and effective efforts to ensure that students can achieve excellent academic performance even while working part-time.



KANDUNGAN

BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Pernyataan Masalah.....	3
1.4 Objektif Kajian.....	4
1.5 Persoalan Kajian.....	5
1.6 Hipotesis Kajian	5
1.7 Kerangka Konseptual Kajian.....	5
1.8 Kepentingan Kajian.....	6
1.9 Batasan Kajian.....	7
1.10 Definisi Operasional.....	7
1.11 Struktur Kajian	8
1.12 Rumusan Bab	10
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Kerja Sambilan.....	12
2.3 Penerangan Pemboleh ubah Kajian	14
2.4 Teori Berkaitan Pengurusan Masa, Pengurusan Diri Dan Hubungan Sosial Dengan Prestasi Akademik Sekiranya Bekerja Sambilan.....	17
2.5 Rumusan Bab	19
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	22
3.1 Pengenalan	22
3.2 Reka Bentuk Kajian	23
3.3 Lokasi Kajian	23
3.4 Populasi dan Sampel	24
3.5 Pengukuran Item Kajian.....	25

3.6	Instrumen Kajian	28
3.7	Kajian Rintis.....	29
3.8	Kutipan Data.....	31
3.9	Analisis Data	32
3.10	Rumusan Bab	36
BAB 4 DAPATAN KAJIAN.....		37
4.1	Pengenalan	37
4.2	Profil Responden	38
4.3	Analisis Awal	42
4.4	Tafsiran Dapatan Kajian.....	43
4.5	Rumusan Bab.....	53
BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN LIMITASI		54
5.1	Pengenalan	54
5.2	Perbincangan Terhadap Dapatan Kajian	55
5.3	Implikasi Dapatan Kajian.....	63
5.4	Limitasi Dan Cadangan Kajian Lanjutan	67
5.5	Kesimpulan Kajian.....	68
RUJUKAN		69
LAMPIRAN		74

SENARAI JADUAL

Jadual 3. 1 : Jumlah Keseluruhan bagi Populasi dan Sampel Kajian	25
Jadual 3. 2 : Kandungan Soal Selidik	26
Jadual 3. 3 : Nilai Skala Likert Lima Mata dan Indikatornya	26
Jadual 3. 4 : Jadual Interpretasi Skor Cronbach Alpha	30
Jadual 3. 5 : Nilai Cronbach Alpha bagi Kajian Rintis	30
Jadual 3. 6 : Interpretasi Nilai Min	33
Jadual 3. 7 : Taburan Kenormalan Data	34
Jadual 3. 8 : Interpretasi Kekuatan Korelasi Berdasarkan Nilai Pekali Korelasi	35
Jadual 4. 1 : Maklumat Demografi Responden	38
Jadual 4. 2 : Jenis statistik yang digunakan untuk mengukur persoalan kajian 1	43
Jadual 4. 3 : Analisis Min bagi Aspek Pengurusan Masa	44
Jadual 4. 4 : Analisis Min bagi Aspek Pengurusan Diri	45
Jadual 4. 5 : Analisis Min bagi Aspek Hubungan Sosial	46
Jadual 4. 6 : Analisis Min bagi Aspek Prestasi Akademik	47
Jadual 4. 7 : Jenis statistik yang digunakan untuk mengukur persoalan kajian 2 dan 3	48
Jadual 4. 8 : Keputusan Ujian Mann-Whitney U	49
Jadual 4. 9 : Interpretasi Kekuatan Korelasi Berdasarkan Nilai Pekali Korelasi	50
Jadual 4. 10 : Analisis Korelasi Spearman's Rho antara Pengurusan Masa dengan Prestasi Akademik	51
Jadual 4. 11 : Analisis Korelasi Spearman's rho antara Pengurusan Diri dengan Prestasi Akademik	51
Jadual 4. 12 : Analisis Korelasi Spearman's rho antara Hubungan Sosial dengan Prestasi Akademik	52
Jadual 4. 13 : Ringkasan Keputusan Mengikut Hipotesis	53

SENARAI RAJAH

Rajah 1. 1 : Kerangka Konseptual Kajian	5
Rajah 2. 1 : Teori Hierarki Keperluan Maslow	18

SENARAI SINGKATAN

B40	Below 40
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
ISM	Ijazah Sarjana Muda
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
SPSS	Statistical Packages for Social Sciences
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab 1 membincangkan tentang latar belakang kajian berkaitan kemelesetan ekonomi yang mendorong kepada isu kerja sambilan dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi bagi menampung perbelanjaan harian. Definisi kerja sambilan juga diterangkan di bahagian latar belakang kajian tersebut. Seterusnya, faktor dan kesan positif mahupun negatif kerja sambilan dalam kalangan pelajar yang diambil daripada kajian-kajian lepas dibincangkan dalam pernyataan masalah yang mana ia menjadi sebab mengapa kajian ini dilaksanakan.

Kajian ini memfokuskan tiga aspek iaitu dari aspek pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial terhadap prestasi akademik pelajar sekiranya bekerja sambilan. Selain itu, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian juga telah dibentuk bagi mengkaji permasalahan berkaitan isu kerja sambilan terhadap prestasi akademik pelajar. Kerangka konseptual kajian turut disertakan dengan menyatakan pembolehubah tidak bersandar yang terdiri daripada pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial serta pemboleh ubah bersandar iaitu prestasi akademik mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Seterusnya, bab ini akan menerangkan definisi operasional bagi tiga aspek yang difokuskan tersebut beserta prestasi akademik. Tambahan pula, kajian yang dilaksanakan ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada pelbagai pihak untuk mengatur strategi dalam merancang dan membuat keputusan berkaitan kerja sambilan dalam kalangan pelajar universiti. Struktur kajian yang dijalankan yang terbahagi kepada lima bab turut diterangkan dalam Bab 1 dan diakhiri dengan rumusan bab.



1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan merupakan elemen penting kepada setiap insan bagi mencapai kemajuan sesebuah negara serta mampu mengubah nasib seseorang dalam kehidupan. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah menekankan akses kepada pendidikan untuk semua dan telah mencadangkan pelbagai garis panduan dan matlamat pendidikan untuk merapatkan jurang pendidikan, pengeluaran dan kemahiran merentasi semua sektor sejak penubuhan Malaysia. Setiap individu tidak kira apa jua latar belakang mereka seperti dari aspek jantina, sosio-ekonomi akan mempunyai peluang untuk menamatkan Pendidikan rendah dengan bantuan daripada kerajaan (Norfarahzatul Asikin et al., 2022). Pelbagai insentif ditawarkan kepada rakyat terutama sekali kepada golongan berpendapatan rendah iaitu *Below 40* (B40) seperti konsep pendidikan percuma.

Kemelesetan ekonomi yang berlaku pada masa kini telah memberikan impak kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan harian termasuklah para pelajar tidak kira pelajar sekolah mahupun penuntut institusi pengajian tinggi. Keadaan ini menjadi salah satu faktor pelajar bekerja sambil bagi mendapatkan pendapatan untuk menampung perbelanjaan mereka. Ibu bapa yang tinggal di kawasan bandar dan berasal dari golongan berpendapatan rendah merasakan kesan bebanan kos hidup yang tinggi. Oleh itu, banyak di antara mereka yang membenarkan anak-anak mereka bekerja secara separuh masa untuk membantu mengurangkan tekanan kewangan. (Awab & Sufean, 2006). Walaupun pelbagai usaha dan insentif telah dilaksanakan, namun ianya masih tidak dapat menanggung sepenuhnya perbelanjaan harian mahasiswa di institusi pengajian tinggi khususnya kerana kos sara hidup yang semakin meningkat seperti membayar sewa rumah dan yuran pengajian. Jadi, ini menyebabkan pelajar melakukan kerja sambil bagi menambah pendapatan mereka.

Kerja sambil, juga dikenali sebagai pekerjaan sambil, adalah susunan kerja yang fleksibel dengan waktu bekerja kurang daripada waktu sepenuh masa. Bekerja kurang daripada 30 jam seminggu adalah biasanya dianggap sebagai separuh masa. Sementara itu, pekerja sepenuh masa bekerja selama 40 jam seminggu secara purata (Woodhouse, 2017). Menurut Azlan Shaiful Baharum et al. (2021), kerja sambil bermakna seseorang bekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan dan membayar



gajinya berdasarkan jam. Sebagai contohnya pelajar bekerja mengikut jadual lapang mereka apabila mereka tidak mempunyai kelas atau kuliah.

1.3 Pernyataan Masalah

Kerja sambilan dalam kalangan pelajar telah menjadi satu fenomena masa kini yang dipengaruhi oleh banyak faktor seperti kewangan, pengaruh rakan sebaya dan sebagainya. Faktor kewangan merupakan punca utama pelajar melakukan kerja sambilan. Pendapatan ibu bapa yang tidak mencukupi dan kesempitan kewangan keluarga, anak-anak mula melakukan kerja-kerja sambilan seperti mencuci kereta, penjual pasar malam dan kerja sambilan di taman perumahan berhampiran untuk menambah sara hidup mereka sekeluarga (Norfarahzatul Asikin et al., 2022). Menurut Rozita et al. (2022), masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar telah menyebabkan mereka mencari pekerjaan sambilan untuk menanggung kos hidup semasa belajar di institusi pengajian tinggi.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, kerja sambilan memberikan pelbagai kesan tidak kira positif mahupun negatif kepada pelajar. Menurut Rozita et al. (2018), pelajar yang aktif dalam kehidupan harian boleh meningkatkan daya fokus dalam pembelajaran sekaligus membuktikan minda yang cerdas dan badan yang aktif menghasilkan pelajar yang proaktif dan produktif. Kerja sambilan boleh membawa kesan positif kepada pelajar untuk lebih aktif dan mempunyai fikiran yang lebih baik semasa belajar. Perkara ini dapat dikaitkan dengan kehidupan sosial pelajar yang perlu dipraktikkan walaupun sibuk bekerja.

Namun begitu, masyarakat beranggapan bahawa pekerjaan sambilan boleh mengganggu pelajar dan seterusnya menjejaskan pelajaran mereka (Awab & Sufean, 2006). Hal ini kerana sesetengah pelajar yang bekerja sambilan akan berasa letih dan mengantuk ketika di dalam kelas menjadikan mereka kurang fokus dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, pelajar yang bekerja sambilan tidak akan mengabaikan tanggungjawab akademik mereka, kerana mereka telah menguruskan pembahagian masa antara pembelajaran dan kerja dengan cermat (Amsyar, 2018). Jadi, kerja sambilan memerlukan pelajar membahagikan masa mereka untuk belajar dan bekerja dengan sebaiknya bagi memastikan prestasi akademik sentiasa cemerlang.



Sebagai seorang pelajar, pengurusan diri juga penting bagi mencapai kejayaan dalam kehidupan selain kecemerlangan dalam akademik semata-mata. Faezah et al. (2015) menyatakan bahawa individu yang berjaya adalah individu yang bijak menguruskan diri sendiri dengan sempurna sebelum menguruskan orang lain. Pengurusan diri seharusnya dititikberatkan dalam kehidupan pelajar seperti kawalan emosi, penjagaan kesihatan dan kebersihan tubuh badan serta pengurusan makanan yang baik. Hal ini mampu untuk melahirkan individu yang cemerlang dari pelbagai aspek tanpa perlu mengharapkan bantuan daripada orang lain. Jadi, pelajar yang melakukan kerja sambilan seharusnya bijak dalam menguruskan diri supaya tidak mendatangkan kesan buruk terhadap diri mereka di samping menambahkan pendapatan masing-masing.

Sungguhpun begitu, Hui Sze et al. (2022) berpendapat bahawa dalam kebanyakan kes, pelajar yang bekerja sambilan mempunyai prestasi akademik yang lemah, tetapi dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pelajar yang bekerja sambilan telah dapat mengekalkan prestasi akademik yang baik. Oleh itu, penyelidikan ini dilaksanakan untuk melihat hubungan antara pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial dengan prestasi akademik dalam kalangan pelajar sarjana muda UPSI sekiranya bekerja sambilan.

1.4 Objektif Kajian

- i) Menenal pasti tahap bagi aspek pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial bagi pelajar yang bekerja sambilan di UPSI.
- ii) Mengkaji perbezaan prestasi akademik pelajar antara yang bekerja sambilan dan tidak bekerja sambilan.
- iii) Menenal pasti sama ada terdapat hubungan antara pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial dengan prestasi akademik pelajar yang bekerja sambilan di UPSI.



1.5 Persoalan Kajian


- i) Apakah tahap pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial bagi pelajar yang bekerja sambilan di UPSI?
- ii) Adakah terdapat perbezaan prestasi akademik pelajar antara yang bekerja sambilan dan tidak bekerja sambilan?
- iii) Adakah pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial mempunyai hubungan dengan prestasi akademik pelajar yang bekerja sambilan di UPSI?

1.6 Hipotesis Kajian

H_01 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi akademik pelajar antara yang bekerja sambilan dan tidak bekerja sambilan.

H_02 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial dengan prestasi akademik pelajar sekiranya bekerja sambilan.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1. 1 : Kerangka Konseptual Kajian



Kerangka konseptual yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 di atas ialah melibatkan pembolehubah tidak bersandar yang terdiri daripada faktor yang dijangkakan mempunyai hubungan dengan prestasi akademik sekiranya bekerja sambil dari aspek pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial pelajar. Pembolehubah bersandar bagi kajian ini adalah prestasi akademik pelajar UPSI.

1.8 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial dengan prestasi akademik sekiranya bekerja sambil dalam kalangan pelajar sarjana muda UPSI. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada pelbagai pihak untuk mengatur strategi dalam merancang dan membuat keputusan berkaitan kerja sambil dalam kalangan pelajar universiti.

Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan keyakinan para pelajar untuk melakukan pekerjaan sambil belajar di universiti bagi menambah pendapatan untuk menanggung perbelanjaan mereka dalam pembelajaran terutamanya. Keputusan positif kerja sambil terhadap prestasi akademik yang diperoleh daripada kajian ini dapat dijadikan motivasi kepada pelajar untuk berdikari dan melakukan kerja sambil yang baik tanpa mengharapkan pendapatan daripada ibu bapa ataupun pinjaman pendidikan untuk mendapatkan sumber kewangan. Melalui kajian yang dijalankan ini juga, diharapkan agar pelajar dapat merancang serta membuat keputusan sebaiknya dalam bekerja sambil mengikut kemampuan masing-masing.

Seterusnya, dapatan kajian diharapkan dapat memberikan pencerahan dengan lebih jelas kepada pihak institusi-institusi pengajian berkenaan isu-isu yang dihadapi dalam dunia pendidikan khususnya terhadap pelajar-pelajar dari segi masalah kewangan. Di samping itu, kajian ini diharapkan agar pihak universiti untuk merangka bentuk-bentuk latihan dan sokongan serta melaksanakan program yang memerlukan penglibatan pelajar bagi menambahkan pendapatan mereka. Perancangan dan penetapan masa kuliah juga seharusnya bersesuaian dengan kehidupan pendidik dan pelajar.



Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat meyakinkan majikan-majikan untuk melantik pekerja sambilan daripada golongan pelajar demi kebaikan masing-masing. Hal ini kerana masih terdapat majikan yang enggan mengambil pelajar sebagai pekerja sambilan di tempat kerjanya kerana risau sekiranya pelajar tersebut tidak dapat membahagikan masa sebaiknya antara belajar dan bekerja dan akan menyusahkan pekerja-pekerja lain. Oleh itu, pelajar yang ingin belajar sambil bekerja ini seharusnya bijak dalam pembahagian masa, pengurusan diri dan interaksi sosial supaya tidak akan menjejaskan apa-apa aktiviti yang dilakukan seperti hanya memfokuskan bekerja dan menghiraukan pembelajaran mereka.

1.9 Batasan Kajian

Lokasi kajian hanya terbatas di satu lokasi sahaja iaitu di UPSI. Ia juga hanya melibatkan pelajar dari peringkat pengajian sarjana muda sahaja iaitu dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda (ISM) dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP). Oleh itu, dapatan daripada kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada situasi kajian yang berbeza.

Borang soal selidik yang diedarkan kepada responden merupakan instrumen kajian yang menggunakan Skala Likert dengan lima mata skala. Kebolehpercayaan dapatan kajian ini juga bergantung kepada kejujuran responden memberi maklum balas terhadap item-item dalam soal selidik yang diberikan.

1.10 Definisi Operasional

Definisi bagi istilah khusus yang dijalankan dalam kajian ini ialah:

1.10.1 Pengurusan Masa

Menurut Nor Safwan dan Shazaitul Azreen (2020), pengurusan masa bermaksud tingkah laku yang bertujuan untuk mencapai penggunaan masa yang berkesan sambil melaksanakan tujuan aktiviti tertentu. Kepentingan pengurusan masa bagi setiap graduan juga berkait rapat dengan pencapaian akademik mereka sebelum ini (Azura et al. 2015). Dalam konteks kajian ini, pengurusan masa melibatkan pengurusan masa

kendiri pelajar bagi menyiapkan tugas di universiti dan tempat kerja, rekod kehadiran pelajar di universiti dan tempat kerja serta jadual pengurusan masa pelajar

1.10.2 Pengurusan Diri

Pengurusan diri yang efektif yang mampu meningkatkan kekuatan rohani, jasmani, dan emosi sangat penting dalam membantu mencapai kecemerlangan pelajaran, tidak hanya dari segi akademik, tetapi juga dalam aspek pembangunan diri yang holistik (Baharin et al., 2006). Menurut Azlan Shaiful Baharum et al. (2021), seseorang pelajar perlu menguasai diri terlebih dahulu supaya dapat menguruskan persekitaran dengan baik. Individu yang berjaya merupakan seseorang yang pandai menguruskan diri dari segala aspek seperti kebersihan, kesihatan, penampilan dan jadual harian. Dalam kajian ini, pengurusan diri merujuk kepada kemampuan pelajar untuk mengurus rupa diri, kesihatan, emosi, pemakanan serta masa riadah.

1.10.3 Hubungan Sosial

Sosial merujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat dan kemasyarakatan. Interaksi hubungan seseorang dengan individu yang lain atau kumpulan adalah penting bagi memastikan sosialisasi antara masyarakat sentiasa terjalin dengan baik dan membantu individu untuk menyesuaikan diri agar ia dapat berfungsi dalam masyarakat (Faedah et al., 2015). Oleh itu, individu yang belajar sambil bekerja seharusnya menitikberatkan aspek sosial yang mana ia akan mempengaruhi kehidupan dan juga sikap dalam berinteraksi dengan orang lain. Sikap dan sahsiah yang baik dalam berhubung dengan masyarakat mampu melahirkan individu yang cemerlang. Dalam kajian ini, hubungan sosial melihat kepada kemampuan pelajar mengurus pergaulan dengan rakan-rakan di universiti dan tempat kerja, beriadah dengan rakan-rakan di universiti dan tempat kerja, menyertai aktiviti di universiti dan tempat kerja, namun pada masa yang sama masih ada masa untuk diri sendiri atau *me time*.

1.10.4 Prestasi Akademik

Menurut Anindito Aditomo (2017), penilaian prestasi akademik dilakukan dengan merujuk kepada hasil mata pelajaran logika, di mana ia mencerminkan kemahiran dalam menganalisis hujah. Selain itu, indeks prestasi kumulatif turut diambil kira, yang

mencerminkan pencapaian pembelajaran secara menyeluruh. Sistem penilaian berasaskan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dilaksanakan bagi mewujudkan satu mekanisma untuk menilai pengetahuan siswazah universiti di Malaysia (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia). Dalam kajian yang dilaksanakan ini prestasi akademik diukur melalui komitmen pelajar terhadap akademik dengan tidak ponteng kelas, sentiasa ingat untuk ulangkaji pelajaran, cakna dengan prestasi akademik sendiri serta mampu mengaplikasikan apa yang dipelajari di kelas kepada dunia pekerjaan.

1.11 Struktur Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama iaitu:

Bab 1 merupakan pengenalan kepada keseluruhan kajian yang menjelaskan isu-isu kajian. Seterusnya bab 1 juga membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, skop kajian, struktur kajian dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab 2 membincangkan kajian-kajian lepas yang merangkumi teori yang digunakan untuk membentuk kajian dan kerangka kajian. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan pembentukan hipotesis berdasarkan dapatan kajian yang terdahulu dan diakhiri dengan kesimpulan bab.

Seterusnya ialah bab 3 yang menghuraikan metodologi kajian yang digunakan untuk menjalankan kajian ini. Metodologi kajian ini termasuklah menghuraikan reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan sampel, instrumen kajian dan prosedur menganalisis data. Selain itu, menghuraikan berkaitan dengan analisis data di kajian sebenar dan penyaringan data. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan bab.

Selain itu, bab 4 merupakan bab yang mana pengkaji menghuraikan berkaitan dengan dapatan kajian yang telah diperolehi. Bab ini akan membincangkan latar belakang responden dan juga pengujian hipotesis berdasarkan analisis yang telah dijalankan bagi menjawab ketiga-tiga objektif kajian.

Kajian ini akan diakhiri dengan bab 5 iaitu perbincangan, implikasi dan limitasi kajian. Pengkaji akan membincangkan berkaitan dengan hasil yang diperolehi dan

dikaitkan dengan aspek teori dan praktis seterusnya memberikan cadangan untuk kajian akan datang.

1.12 Rumusan Bab

Dalam bab ini, pengkaji telah mengetengahkan latar belakang kajian dan beberapa pernyataan masalah yang timbul mengenai kerja sambilan dalam kalangan pelajar. Seterusnya, pengkaji telah menerangkan tiga objektif kajian yang ingin dicapai dengan lebih terperinci. Selain itu, persoalan kajian turut diuraikan berdasarkan kepada objektif yang telah ditetapkan. Hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian turut diterangkan oleh pengkaji dalam bab ini. Penetapan definisi operasional terhadap kajian ini juga dapat membantu pembaca dan pengkaji lain untuk memahami tentang kajian yang dilakukan. Secara keseluruhannya, bab ini merupakan gambaran awal tentang aspek pengurusan masa, pengurusan diri dan hubungan sosial dengan prestasi akademik pelajar sekiranya bekerja sambilan.